

**Pendidikan Agama, Keseimbangan Kognitif dan tingkah Laku positif Di
Kalangan darjah Pelajar Darjah Khas
Sekolah Agama Di Johor Bahru**

Azizi Yahaya
Shahrin Hashim
Yusof Boon
Mohd Fadzli Abu Bakar
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRAK: Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara pendidikan agama secara formal dan informal dengan keseimbangan kognitif; perhubungannya dengan tingkah laku positif; dan perbezaan antara keseimbangan kognitif berdasarkan jantina pelajar. Seramai 400 orang pelajar Darjah Khas Sekolah Agama Kerajaan Negeri di Johor Bahru telah dipilih secara rawak bagi kajian ini. Statistik deskriptif digunakan bagi analisis taburan. Pendidikan agama secara formal pelajar didapati mempunyai tahap min keseluruhan yang tinggi. Manakala min keseluruhan bagi pembolehubah lain berada pada tahap yang sederhana. Analisis korelasi Pearson juga digunakan dan dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara semua pembolehubah berkenaan. Melalui Ujian-t, dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada keseimbangan kognitif berdasarkan jantina.

(Kata Kunci: pendidikan agama, formal dan informal, keseimbangan kognitif; tingkah laku positif)

PENGENALAN

Pendidikan Agama di negeri Johor merupakan satu 'trend' sebagai pelengkap di samping program pendidikan akademik. Kesedaran mengenai kepentingan pendidikan agama khususnya di era penuh mencabar ini menyebabkan ramai ibu bapa kini berlumba-lumba untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama. Pendidikan Agama menjadi pilihan ibu bapa sebagai salah satu penyelesaian yang dijangkakan boleh mengawal tingkah laku anak-anak. Dikatakan, biasanya pelajar sekolah agama mempunyai disiplin yang lebih baik di samping bebas daripada sikap nakal yang tidak terkawal (Mohd Fadzli, 2003).

Menurut Islam, tujuan akhir pendidikan ialah membentuk insan yang bersih kognitifnya, bersih personalitinya, bersih corak hidupnya, emosi, suci budi pekerti dan murni pergaulan sosial daripada sebarang unsur yang lain daripada landasan Ilahi yang terkandung dalam al-Quran dan Hadis (Nik Azis, 1988).

Masalah sosial yang berlaku di kalangan remaja kian meruncing. Pelbagai masalah lagi akan menghimpit remaja jika ia tidak cuba diatasi dengan sebaik. Seterusnya usaha bagi memperkasa agenda negara menemui jalan sukar. Pihak kerajaan sedar peranan keluarga dalam pembentukan individu yang sihat adalah sangat penting. Keluarga sebagai sebuah unit sosial sangat berpengaruh dalam perkembangan hayat individu. Ahli-ahli psikologi tanpa mengira pendekatan teori yang digunakan ramai bersetuju bahawa keluarga sangat penting dalam pembentukan psikologi, emosi, mental dan kognitif individu (Sapora, 2007).

Kes-kes yang berlaku tidak mengenal sama ada ia adalah di kalangan pelajar-pelajar sekolah beraliran akademik, rendah, menengah dan pengajian tinggi, bahkan turut melibatkan pelajar-pelajar yang menerima pendidikan agama. Kita sangkakan pelajar yang menerima pendidikan agama adalah bebas sepenuhnya daripada tingkah laku melanggar nilai moraliti, rupanya masih ada yang terlibat. Ini menimbulkan persoalan untuk kita terus mendapatkan penjelasan.

Pendidikan awal secara formal di sekolah dan informal di rumah dikatakan dapat memberi kesan mendalam terhadap pembentukan personaliti seseorang. Kata pepatah mengatakan bahawa 'Melentur buluh biarlah daripada rebungnya.' Selaras dengan pernyataan tersebut, negeri Johor memiliki sistem pendidikan agama yang teratur bermula daripada peringkat pra-sekolah hinggalah ke peringkat pengajian tinggi.

Dalam pendidikan, kejayaan sesebuah pelaksanaan kurikulum dan proses pembentukan jasmani, emosi, rohani serta intelek seseorang individu adalah hasil daripada gabungan pendidikan secara formal dan informal. Dalam sosiologi pendidikan, ibu bapa dan masyarakat mempunyai peranan tersendiri dalam memastikan keberkesanan sekolah. Ibu bapa dan juga masyarakat mesti mengambil tahu tentang kedudukan anak-anaknya di sekolah sama ada mereka berjaya, mundur atau terlibat dengan perkara-perkara yang tidak diinginkan (Mohd Salleh, 1998).

Dalam merealisasikan pencapaian kejayaan ke arah Rancangan Malaysia ke 9, salah satu daripada Misi Nasional adalah untuk melahirkan modal insan kelas pertama melalui peningkatan terhadap keupayaan dan penguasaan ilmu pengetahuan; pengukuhan keupayaan sains, R&D dan inovasi; dan pembentukan masyarakat berbudaya serta memiliki kekuatan moral.

Asas ini diharapkan akan dapat membentuk modal insan yang cemerlang dengan acuan pembentukan masyarakat kita sendiri. Pelan pembangunan negara adalah berdasarkan jangka masa 25 tahun iaitu sepanjang jangka masa membentuk satu kitaran generasi. Bagi tujuan memenuhi matlamat pembangunan tersebut, generasi kita yang menduduki peringkat awal remaja haruslah memiliki personaliti dan peribadi yang sihat.

Justeru, dalam kajian ini, pengkaji tegasnya ingin melihat perhubungan yang signifikan antara pendidikan agama secara formal dan informal dengan keseimbangan kognitif, serta perkaitannya dengan tingkah laku positif; dalam proses melahirkan generasi muslim, mukmin, yang terpelajar, terdidik, intelektual dan bertakwa yang mempunyai kesedaran diri sebagai hamba Allah dan sebagai khalifah di bumi Allah melalui proses pendidikan rohani, emosi, intelek, jasmani dan amali yang bersepadu dan seimbang sehingga tercapai hasanah di dunia dan di akhirat.

Pendidikan Agama

Pendidikan Agama di Malaysia adalah merujuk kepada Pendidikan Islam, bersempena dengan agama Islam sebagai agama rasmi Malaysia. Pendidikan Islam pula adalah aktiviti atau kegiatan yang bertujuan membentuk individu menjadi seorang yang mempunyai personaliti baik dan bernilai tinggi menurut kaca mata Islam (Burlian, 1989; dlm. Mohd Yusuf, 2004).

Menurut Abdul Halim (1993), Pendidikan Islam ialah proses mendidik dan melatih akal, jasmani, rohani dan emosi manusia berasaskan sumber wahyu, al-Quran dan Sunnah, pengalaman Salaf as-Soleh serta ilmuan muktabar untuk melahirkan insan soleh yang mampu memikul tanggungjawab khalifah yang dipertanggungjawabkan oleh Allah swt ke atas manusia supaya mengimarahkan alam ini untuk kebahagiaan hidupnya di dunia dan di akhirat.

Matlamat Pendidikan Agama

Menurut Basheer (1977), pendidikan yang betul hendaklah menonjolkan kelakuan akhlak di samping memenuhi kehendak kebendaan dan keduniaan masyarakat. Perseimbangan tersebut tidak dapat diwujudkan kecuali melalui keluarga, masjid, sekolah, universiti dan media yang memainkan peranan masing-masing.

Basheer berpandangan, matlamat pendidikan agama yang utama haruslah mencapai pembentukan akhlak yang baik, di samping turut menyediakan individu yang dapat memenuhi keperluan sesebuah masyarakat. Hal ini disyaratkan keberkesannya melalui jalinan ataupun keselarian peranan pelbagai pihak yang memberikan pendidikan secara formal dan informal.

Ghulam (1977) pula berpendapat bahawa Pendidikan Islam seharusnya mendidik generasi Islam supaya memiliki semua kriteria sempurna, berperwatakan positif dan berakhlak. Pendidikan mestilah pada asasnya diarahkan kepada menanamkan semangat keyakinan diri dengan budaya yang secukupnya dalam masyarakat Islam dan syariat Islam.

Oleh itu, dalam kehidupan sosiobudaya masyarakat kita, pendidikan Islam adalah pilihan yang bersesuaian bagi usaha membentuk tingkah laku positif pelajar. Secara asasnya pendidikan agama sememangnya menekankan jalinan pendidikan secara formal dan informal bagi memastikan keberkesannya.

Pendidikan Agama Secara Formal

Menurut Jawatankuasa Pendidikan dan Masyarakat, Persidangan Dunia Pendidikan Pertama Tentang Pendidikan Islam (1977), pendidikan secara formal adalah merangkumi pendidikan di sekolah dan maktab pada pelbagai peringkat dan jenis.

Pendidikan Secara Formal merangkumi pendidikan yang diberikan di sekolah-sekolah biasa hingga ke universiti ('International Standard Classification of Education

(ISCD)', 1970 dalam Rosa, 2001). Disimpulkan bahawa pendidikan secara formal adalah sebagaimana petikan berikut:

“Pendidikan secara formal adalah proses melatih dan membangunkan individu dalam bidang pengetahuan, kemahiran, minda dan perwatakan tingkah laku melalui program pendidikan yang berstruktur serta diiktiraf.” (SIL International, 1999)

Dengan ini, pendidikan agama secara formal adalah sebagaimana kenyataan di atas, tetapi ianya lebih khusus kepada bidang pengajaran dan pembelajaran agama Islam sahaja.

Menurut Radhashyam (1996), kurikulum, aktiviti, peraturan, disiplin sekolah, personaliti guru besar, personaliti guru dan persekitaran sekolah memainkan peranan menyeluruh terhadap pengaruh perkembangan moral pelajar. Kurikulum sekolah seharusnya membantu perkembangan moral pelajar dengan memberi penekanan kepada pembentukan watak beserta dengan nilai-nilai kemanusiaan.

Kajian berkaitan hal ini, merujuk ‘Research Bulletin of NIER, Japan’ (1981):

“Kurikulum sekolah seharusnya memiliki teras sebagai pusat kepada pemenuhan objektif pembentukan watak. Cara terbaik adalah dengan membantu pelajar mencari penyempurnaan kendirinya (self-actualization), sedangkan tindakan mendorong untuk mengikuti dan memerhati juga turut membantu tetapi kurang berkesan. Penyempurnaan sendiri adalah keperluan yang kuat dalam diri manusia, tetapi dalam situasi kehidupan sosial, mental dan persekitaran moral, ia tidak selalunya kondusif sebagai pengisian terhadap keperluan tersebut. Aktiviti pendidikan perlu dibentuk berkaitan supaya setiap penglibatan mendorong pelajar mencari sendiri cara terbaik bagi pengisian atau kepuasan diri.”

Kedudukan bagi pendidikan moral adalah berbeza antara sesebuah negara dengan negara lain kerana pendidikan merupakan subjek yang sentiasa berkembang. Moraliti merupakan asas kebenaran bagi semua agama. Dengan ini, setiap pengajaran agama haruslah memberi penekanan kepada perkembangan moral pelajar.

Berkaitan pernyataan ini, penyelidik memandang kedudukan aspek moral iaitu akhlak berdasarkan budaya dan agama Islam di Malaysia sebagai elemen pendidikan yang sangat diberikan penekanan. Dengan ini, falsafah pendidikan agama mempunyai matlamat utama bagi membentuk tingkah laku positif pelajar.

Mengenai peranan sekolah iaitu pendidikan Islam secara formal, Basheer (1977) mengutarakan pandangan John Dewey yang mengatakan bahawa sekolah seharusnya menjadi contoh atau model sebenar dunia sosial di sekeliling kita, kerana pendidikan adalah bersifat pragmatis, praktis dan mempunyai ciri yang baik dalam maksud sosial.

Dalam hal ini, Dewey dinyatakan telah merumuskan pandangannya tentang hubungan pendidikan dengan aspek perbaikan sosial dengan berkata:

“Pendidikan ialah penyusunan ikhtiar kanak-kanak untuk berlaku kepada gerak balas sosial. Bagi menyesuaikan kegiatan individu kanak-kanak, atas pertimbangan yang lalu bahawa dia harus melibatkan diri dalam kegiatan sosial, adalah sesungguhnya cara yang paling mantap untuk kemajuan sosial.”

Berkaitan hal ini, Basheer menyatakan bahawa seseorang yang dapat menyerap pelbagai ilmu pengetahuan dan dapat membezakannya dengan jelas, pasti akan dikurniakan dengan keperibadian jelas yang menggambarkan apa yang telah dipelajari menurut cara yang membolehkannya untuk perkembangan selanjutnya. Kaedah ini membina pemikiran pelajar dan membina dirinya dari segi budaya, serta menjadikannya diperlukan oleh masyarakat sebagai individu yang berharga. Bidang yang dipelajari dibuktikan menerusi cara ini bahawa dia mempunyai nilai sejati dan banyak kegunaannya untuk masyarakat sosial.

Pendidikan secara formal melalui fungsi sekolah dan peranan guru memainkan peranan penting dalam membentuk keperibadian positif pelajar. Begitu juga dengan kepentingan pendidikan secara informal melalui institusi keluarga yang juga memainkan peranan dalam pembentukan akhlak pelajar. Kesemua hal ini dikaitkan dengan proses sosialisasi yang ditempuhi oleh seseorang individu sama ada secara formal mahupun informal.

Pendidikan Agama Secara Informal

‘International Standard Classification of Education (ISCED)’, (1970) dalam Rosa (2001) membezakan antara tiga jenis pendidikan iaitu Pendidikan Secara formal, Tidak Formal (Non-Formal) dan Informal. Pendidikan Secara Informal merangkumi pendidikan yang disampaikan dalam institusi keluarga termasuk pembelajaran sosial secara langsung.

Dengan ini, pendidikan agama secara informal adalah sebagaimana kenyataan di atas, tetapi ianya lebih khusus kepada bidang pengajaran dan pembelajaran agama Islam sahaja.

Menurut kajian Radhashyam (1996), ibu bapa memainkan peranan penting selaras dengan harapan mereka terhadap pembentukan moral pelajar. Ibu bapa perlu memberikan banyak aktiviti berasaskan moral bagi mempengaruhi pembentukan tersebut. Ini termasuklah dengan cara yang memadai dalam penyediaan kemewahan, penunaian tanggungjawab dan permodelan tingkah laku positif dalam kehidupan seharian.

Ibu bapa seharusnya mewujudkan suasana yang boleh mendorong kepada tingkah laku positif dalam keluarga seperti disiplin bangun awal pagi, aktiviti beribadah bersama di rumah, menyediakan makanan-makanan daripada sumber yang baik, dan menjaga hubungan kasih sayang serta persaudaraan.

Panduan moral daripada ibu bapa adalah suatu kepentingan utama dalam menaikkan semangat kecenderungan moral di kalangan pelajar. Panduan ibu bapa

mengikut kesesuaian masa dan waktu adalah suatu kepentingan yang ideal dalam perkembangan moral.

Kajian berkaitan hal ini juga, merujuk ‘Research Bulletin of NIER, Japan’ (1981) dalam Radhashyam (1996):

“Pendidikan keluarga memiliki peranan asli dalam pendidikan. Perwatakannya adalah bagi membina sentimen keinginan, pendirian dan membantu; melalui aspek rutin dalam hidup yang berlaku dalam hubungan antara ibu bapa dengan anak.”

Ibu bapa tidak seharusnya terlalu memberi kebebasan, sebaliknya perlu mengawal sedikit sebanyak tingkah laku yang diharapkan daripada anak-anak. Bahkan tanggungjawab ibu bapa adalah lebih penting daripada guru memandangkan pelajar meluangkan masa lebih banyak berhubung ibu bapa berbanding di sekolah. Rumah sepatutnya menjadi suatu persekitaran yang baik melalui pengwujudan cara hidup positif dan tanggungjawab efektif daripada ibu bapa.

Institusi keluarga adalah asas bagi segala pendidikan yang kukuh bagi generasi muda. Islam mengambil berat terhadap ibu bapa yang bertindak sebagai pemberi dan pemerintah keluarga. Ini digambarkan melalui idea suci dalam Islam iaitu perkahwinan yang menganjurkan ketenangan, ketenteraman, kasih sayang dan belas kasihan dalam keluarga. Allah swt berfirman dalam surah ar-Rum ayat 21 yang bermaksud:

“Dan antara tanda-tanda kekuasaanNya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya demikian itu mengandungi keterangan bagi orang yang berfikir.”

Allah swt juga berfirman dalam surah al-Furqan ayat 74 yang bermaksud:

“Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh daripada isteri-isteri dan zuriat keturunan kami, perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan dijadikan kami imam ikutan bagi orang-orang yang mahu bertaqwa.”

Jika orang Islam berjaya membimbing anak-anak mereka ke jalan yang betul, mereka akan ditingkatkan ke tahap orang yang bertaqwa. Mendidik anak merupakan satu kesyukuran dan rasa kehambaan kepada Allah, bukanlah untuk memaparkan kemegahan dalam kehidupan. Islam memberikan status yang penting bagi kaum ibu. Ini kerana jagaan ibu adalah peringkat pertama dalam membentuk sikap, kesedaran hati, akhlak dan tingkah laku sosial yang betul. Cukup jika dikatakan bahawa ibu yang terpelajar boleh mempengaruhi anak-anaknya membentuk sifat dan nilai-nilai sosial yang baik.

Keseimbangan Kognitif

Kognitif merujuk kepada corak pemprosesan informasi, penggunaan pengetahuan dan perubahan terhadap pemilihan dalam pemikiran manusia. Proses kognitif boleh wujud dalam bentuk asal ataupun dengan penambahan; sedar ataupun tidak sedar. Terma kognisi ini juga digunakan secara meluas mengenai makna bagi tindakan berasaskan pengetahuan; juga turut diinterpretasikan dalam penilaian sosial dan budaya bagi menjelaskan perkembangan pengetahuan biasa dan konsep yang akan menjadi anggapan dan tindakan (Wikipedia, 2007)

Keseimbangan merujuk kepada maksud ketekalan atau kekonsistenan (consistency) dalam aspek teori ketekalan kognitif. Isu utama dalam teori kognitif adalah berkaitan aspek kognisi seseorang individu yang berpotensi untuk berlawanan (cognitive dissonance) atau berkonflik antara sesuatu aspek kognitif dengan aspek kognitif yang lain. Keadaan tersebut akan menjadikan individu berkenaan termotivasi atau terdorong untuk mengurangkan konflik tersebut (Arkes & Garske, 1982). Teori ketekalan adalah teori homeostatik yang menekankan naluri manusia yang sentiasa mahu kembali kepada keadaan di mana pemikiran dan kelakuannya konsisten (Azizi, 2005).

Keseimbangan Kognitif yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah aspek 'Cognitive Congruity Theory' yang diperkenalkan oleh Osgood dan Tannenbaum (1955). Ia digunakan bagi mengurus perubahan pendirian yang disebabkan oleh komunikasi.

Teori ini menggambarkan tentang keadaan sekiranya terdapat dua orang yang saling bercanggah, satu set informasi, ataupun suatu konsep yang perlu kepada penilaian seseorang pemerhati. Keseimbangan Kognitif dinilai melalui keseimbangan aspek keserasian kognitif. Sekiranya dua set informasi yang dinilai adalah kongruen (serasi) maka tiada masalah yang akan timbul dan pemerhati juga tidak mengalami sebarang tekanan.

Kajian yang pernah dibuat oleh Rosario et al (2006) mengenai keseimbangan kognitif adalah berkaitan perkembangan identiti di kalangan remaja lesbian, gay dan biseksual. Kajian berkenaan menyatakan bahawa tingkah laku seksual tersebut adalah hasil daripada ketidakseimbangan atau ketidakkongruenan antara komponen kognitif, afektif dan tingkah laku seseorang.

Ini dikaitkan dengan teori psikologi yang menekankan bahawa individu menuju ke arah keseimbangan kognitif, afektif dan tingkah laku bagi mengelakkan tekanan psikologi. Berdasarkan kajian ini, penyelidik mendapati aspek keseimbangan kognitif yang tidak seimbang mendorong kepada ketidakselesaian aspek psikologi dan membentuk tingkah laku negatif secara umum.

Tingkah Laku Positif

Tingkah laku adalah sebahagian daripada elemen sikap bagi seseorang individu. Menurut Azizi (2005), tingkah laku merupakan penampilan dan hasil terjemahan atau ekspresi terhadap perubahan emosi, perasaan dan pemikiran. Tingkah laku mempunyai unsur-unsur fizikal yang boleh dilihat dengan mata kasar.

Dalam kajian ini, perasaan dan pemikiran yang dianggap sebagai agen penentu tingkah laku pelajar adalah hasil jangkaan daripada pendidikan agama secara formal dan informal. Pendidikan agama menyampaikan pengetahuan serta penegasan yang dijangka membentuk sikap pelajar. Seterusnya pengetahuan dan sikap ini akan membentuk tingkah laku.

Tingkah laku positif adalah berlawanan dengan tingkah laku devian dan delinkuen. Delinkuen didefinisikan sebagai tingkah laku yang ganjil dan tidak bermoral serta tidak dapat diterima. Devian pula adalah kelakuan yang melanggar jangkaan yang diinstitusikan, iaitu jangkaan yang dikongsi dan diiktiraf sebagai sah dalam sesuatu sistem sosial (Azizi, 2005).

Penyelidik memilih aspek tingkah laku positif berbanding tingkah laku delinkuen atau devian adalah bertujuan bagi mengurangkan jawapan pemalsuan daripada pelajar. Ini kerana instrumen dalam kajian ini berpotensi menyedarkan responden tentang kewujudan keadaan kognisi yang bercanggah (cognitive dissonance), jika ianya terdapat dalam diri mereka. Merujuk definisi teori berkenaan, keadaan sedemikian akan mendorong responden untuk mengubah maklumat diri yang menggambarkan keseimbangan kognitif palsu.

Dalam kajian ini, Tingkah Laku Positif merujuk kepada aspek mematuhi nilai-nilai agama serta norma-norma masyarakat. Tingkah laku ini adalah mematuhi kewajipan menunaikan ibadah sebagai seorang Islam dan pengamalan akhlak yang baik dalam mematuhi norma-norma masyarakat.

Kajian Perbezaan Jantina

Menurut Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan (1995) Jantina adalah bangsa, kelamin, seks atau jenis kelamin. Jantina merujuk kepada perbezaan individu dari segi fizikal. Ia adalah bentuk dan fungsi fizikal seseorang, manakala gender pula adalah komponen identiti yang dimiliki oleh individu (Berhanundin et al, 2005). Ia adalah perbezaan jantina yang terbahagi kepada lelaki dan perempuan. Dalam kajian ini, penyelidik mengkaji sama ada terdapat perbezaan yang signifikan pada keseimbangan kognitif berdasarkan jantina lelaki dan perempuan. Istilah Gender tidak digunakan kerana kajian ini hanya mengenal pasti perbezaan yang signifikan antara keseimbangan kognitif berdasarkan jantina seksual dan ia tidak berkaitan dengan isu identiti.

Kebanyakan ahli psikologi bersetuju dengan taksonomi personaliti yang mengandungi lima faktor asas iaitu dimensi Extraversion, Agreeableness, Conscientiousness, Kestabilan Emosi dan Keterbukaan. Berdasarkan Model Lima

Faktor (Five-Factor Model), personaliti seseorang mempunyai perbezaan berdasarkan jantina (Larsen & Buss, 2002).

Berkaitan kajian ini, penyelidik mendapati perbezaan pada aspek kestabilan emosi antara lelaki dengan perempuan boleh mempengaruhi keseimbangan kognitif kerana emosi adalah salah satu daripada elemen kognitif seperti pengetahuan dan sikap. Lelaki didapati lebih agresif berbanding perempuan. Manakala perempuan pula lebih bersifat bimbang berbanding lelaki. Mengenai sifat keterbukaan, lelaki lebih mempunyai keberanian untuk mencuba atau menerima sesuatu yang baru.

Berkenaan aspek harga diri, lelaki memiliki tahap harga diri yang lebih tinggi berbanding perempuan. Perbezaan yang agak tinggi pada aspek kecenderungan melakukan hubungan seks iaitu lelaki lebih tinggi minatnya terhadap seks. Bahkan fantasi mereka adalah lebih tinggi terhadap hubungan seks bebas. Penyelidik mendapati faktor perbezaan berdasarkan jantina ini mempunyai pengaruh dengan keseimbangan kognitif kerana sikap seseorang boleh dibentuk melalui sifat agresif, kebimbangan, keterbukaan, keberanian dan minat terhadap seks. Meskipun pendidikan agama yang diberikan adalah sama, namun pemahaman dan penerimaan dalam keseimbangan kognitif masih boleh dipengaruhi berdasarkan perbezaan jantina.

Bagaimanapun, menurut kajian Bandura (1977), variasi perbezaan antara lelaki dan perempuan juga dipelajari melalui pemerhatian tingkah laku orang lain seperti ibu bapa, guru dan media. Didikan secara informal ini mempengaruhi apabila kebiasaannya budaya ibu bapa lebih mengawal tingkah laku anak-anak perempuan berbanding anak lelaki yang diberi sedikit kebebasan. Ini menunjukkan terdapat pengaruh pendidikan secara informal yang boleh menjadi agen pembentuk keseimbangan kognitif pelajar.

METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kajian tinjauan. Ia melibatkan kajian korelasi iaitu melihat perhubungan signifikan antara satu pembolehubah dengan pembolehubah lain dengan menggunakan ujian statistik korelasi. Ujian-t pula digunakan untuk melihat perbezaan yang signifikan antara keseimbangan kognitif berdasarkan jantina. Kajian ini bersifat kuantitatif. Data yang diperolehi berdasarkan rekod atau item yang ditandakan oleh responden dalam soal selidik.

Kajian ini dijalankan di daerah Johor Bahru. Empat buah sekolah telah dicadangkan dengan bantuan Pegawai di Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama sebagai sekolah yang mudah diselenggara serta mempunyai pelajar berkriteria sampel kajian ini yang agak ramai.

Kaedah Persampelan yang digunakan adalah Sampel Rawak Kelompok atau Kluster, iaitu responden dipilih secara rawak daripada tahun persekolahan yang sama di setiap sekolah yang terlibat berdasarkan daerah. Bagi menentukan saiz sampel yang diperlukan, penyelidik merujuk Jadual Saiz Sampel Untuk Kajian (Krejcie & Morgan, 1970). Dengan ini, sampel yang diperlukan oleh penyelidik bagi kajian ini adalah seramai 368 orang atau lebih. Penyelidik memilih jumlah 400 orang sebagai sampel bagi kajian ini.

Instrumen yang digunakan bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan akan dikumpul melalui borang Soal Selidik. Borang Soal Selidik dibina sendiri oleh penyelidik berpandukan pembacaan daripada buku rujukan serta kajian-kajian lepas yang berkaitan. Soal Selidik ini adalah berbentuk tertutup dan berstruktur. Ianya

dipilih kerana cara ini lebih mudah dikendalikan dan mudah dianalisis. Skala Likert digunakan untuk menjalankan Soal Selidik. Secara keseluruhannya, nilai kebolehpercayaan Alfa Cronbach item adalah 0.721 dan nilai ini adalah boleh diterima.

Jawapan yang diberikan oleh responden dianalisis menggunakan perisian SPSS. Min kepada jawapan responden telah dikategorikan kepada skala penilaian berikut:

- 1) Rendah : 1.00 – 2.33
- 2) Sederhana : 2.34 – 3.67
- 3) Tinggi : 3.68 – 5.00

DAPATAN KAJIAN

Huraian Latar Belakang Pelajar

Seramai 400 orang responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar Darjah Khas Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor di daerah Johor Bahru telah menjawab borang soal selidik. Huraian latar belakang pelajar melibatkan aspek jantina, umur, keputusan peperiksaan Sekolah Agama Darjah Enam dan taraf pendidikan ibu bapa.

a) Jantina

Dapatan kajian Jadual 1 menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Hasil daripada kajian, didapati bilangan responden lelaki adalah seramai 180 orang (45 peratus) dan perempuan seramai 220 orang (55 peratus). Responden perempuan adalah golongan majoriti dalam kajian ini.

Jadual 1: Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratusan
Lelaki	180	45.0
Perempuan	220	55.0
Jumlah	400	100

b) Umur

Jadual 2 menunjukkan taburan responden mengikut umur. Terdapat tiga kategori peringkat umur responden. Analisis data menunjukkan majoriti responden berumur 13 tahun adalah seramai 175 orang (43.8 peratus), diikuti dengan responden berumur 14 tahun seramai 122 orang (30.5 peratus) dan bilangan responden berumur 15 tahun keatas adalah seramai 103 orang (25.7 peratus). Majoriti responden adalah berumur 13 tahun.

Jadual 2: Taburan Responden Mengikut Umur

Umur	Kekerapan	Peratusan
13 tahun	175	43.8
14 tahun	122	30.5
15 tahun ≤	103	25.7
Jumlah	400	100

c) Keputusan Peperiksaan Sekolah Agama Darjah Enam

Jadual 3 menunjukkan taburan responden mengikut keputusan peperiksaan Sekolah Agama Darjah Enam. Hasil kajian ini mendapati bilangan responden yang mendapat tujuh hingga sembilan A adalah seramai 9 orang (2.3 peratus). Bilangan responden yang mendapat empat hingga enam A adalah seramai 53 orang (13.2 peratus). Bilangan yang tidak mendapat A hingga tiga A pula adalah seramai 338 orang (84.5 peratus). Didapati majoriti daripada responden tidak mendapat sebarang A hingga tiga A dalam keputusan peperiksaan Sekolah Agama Darjah Enam.

Jadual 3: Taburan Responden

Keputusan	Kekerapan	Peratusan
0 A hingga 3 A	338	84.5
4 A hingga 6 A	53	13.2
7 A hingga 9 A	9	2.3
Jumlah	400	100

d) Taraf Pendidikan Ibu Bapa

Jadual 4 menunjukkan taburan taraf pendidikan ibu bapa responden. Hasil kajian mendapati taraf pendidikan tertinggi ibu bapa responden yang hanya sampai peringkat sekolah rendah adalah seramai 34 orang (8.5 peratus), sekolah menengah adalah seramai 235 orang (58.7 peratus) dan bertaraf pendidikan kolej atau universiti pula adalah seramai 131 orang (32.8 peratus). Majoriti taraf pendidikan tertinggi ibu bapa responden adalah sampai ke peringkat sekolah menengah.

Jadual 4: Taburan Taraf Pendidikan Ibu Bapa Responden

Taraf Pendidikan Ibu Bapa	Kekerapan	Peratusan
Sekolah Rendah	34	8.5
Sekolah Menengah	235	58.7
Kolej Atau Universiti	131	32.8
Jumlah	400	100

Analisis Soal Selidik

a) Taburan Tahap Pendidikan Agama Secara Formal

Jadual 5 menunjukkan taburan tahap pendidikan agama secara formal. Hasil daripada kajian mendapati majoriti responden mempunyai tahap pendidikan agama secara formal yang tinggi iaitu seramai 266 orang (66.5 peratus). Manakala 128 orang (32.0 peratus) mempunyai tahap pendidikan agama secara formal yang sederhana. Selebihnya responden mempunyai tahap pendidikan pendidikan agama secara formal yang rendah iaitu seramai 6 orang (1.5 peratus). Min keseluruhan adalah pada tahap tinggi iaitu 3.77 dengan Sisihan Piawai 0.387.

Jadual 5: Tahap Pendidikan Agama Secara Formal

Tahap	Kekerapan	Peratusan
Rendah	6	1.5
Sederhana	128	32
Tinggi	266	66.5
Jumlah	400	100

Min keseluruhan = 3.77 (Tinggi)

Sisihan Piawai = 0.387

b) Taburan Tahap Pendidikan Agama Secara Informal

Jadual 6 menunjukkan taburan tahap pendidikan agama secara informal. Hasil daripada kajian mendapati majoriti responden mempunyai tahap pendidikan agama secara informal yang sederhana iaitu seramai 359 orang (89.8 peratus). Manakala 41 orang (10.2 peratus) mempunyai tahap pendidikan agama secara informal yang tinggi. Tiada responden yang mempunyai tahap pendidikan pendidikan agama secara informal yang rendah. Min keseluruhan adalah pada tahap sederhana iaitu 3.33 dengan Sisihan Piawai 0.281.

Jadual 6: Tahap Pendidikan Agama Secara Informal

Tahap	Kekerapan	Peratusan
Rendah	0	0.0
Sederhana	359	89.8
Tinggi	41	10.2
Jumlah	400	100

Min keseluruhan = 3.33 (Sederhana)

Sisihan Piawai = 0.281

c) Taburan Tahap Keseimbangan Kognitif

Jadual 7 menunjukkan taburan tahap keseimbangan kognitif. Hasil daripada kajian mendapati majoriti responden mempunyai tahap keseimbangan kognitif yang tinggi iaitu seramai 219 orang (54.7 peratus). Manakala 139 orang (34.8 peratus) mempunyai tahap keseimbangan kognitif yang sederhana. Selebihnya responden mempunyai tahap keseimbangan kognitif yang rendah iaitu seramai 42 orang (10.5 peratus). Min keseluruhan adalah pada tahap sederhana iaitu 2.72 dengan Sisihan Piawai 0.375.

Jadual 7: Tahap Keseimbangan Kognitif

Tahap	Kekerapan	Peratusan
Rendah	42	10.5
Sederhana	139	34.8
Tinggi	219	54.7

Jumlah	400	100
---------------	------------	------------

Min keseluruhan = 2.72 (Sederhana)

Sisihan Piawai = 0.375

d) Taburan Tahap Tingkah Laku Positif

Jadual 8 menunjukkan taburan tahap tingkah laku positif. Hasil daripada kajian mendapati majoriti responden mempunyai tahap tingkah laku positif yang sederhana iaitu seramai 374 orang (93.5 peratus). Manakala 21 orang (5.2 peratus) mempunyai tahap tingkah laku positif yang tinggi. Selebihnya responden mempunyai tahap tingkah laku positif yang rendah iaitu seramai 5 orang (1.3 peratus).

Jadual 8: Tahap Tingkah Laku Positif

Tahap	Kekerapan	Peratusan
Rendah	5	1.3
Sederhana	374	93.5
Tinggi	21	5.2
Jumlah	400	100

Min keseluruhan = 3.18 (Sederhana)

Sisihan Piawai = 0.319

Pengujian Hipotesis

a) Perhubungan Antara Pendidikan Agama Secara Formal dengan Keseimbangan Kognitif

Berdasarkan Jadual 9, didapati nilai pekali korelasi, r bagi pendidikan agama secara formal dengan keseimbangan kognitif adalah bersamaan -0.008 . ini menunjukkan korelasi yang lemah dan songsang. Memandangkan nilai $p = 0.873$ adalah lebih besar daripada 0.05 maka hipotesis ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara pendidikan agama secara formal dengan keseimbangan kognitif. Oleh kerana keputusan ujian korelasi menunjukkan tidak terdapat perhubungan yang signifikan, maka dengan ini dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara pendidikan agama secara formal

dengan keseimbangan kognitif di kalangan pelajar Darjah Khas Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor di daerah Johor Bahru.

Jadual 9: Korelasi Pendidikan Agama Secara Formal Dengan Keseimbangan Kognitif

Korelasi			
		Keseimbangan Kognitif	Pendidikan Agama Secara Formal
Keseimbangan Kognitif	Korelasi Pearson	1	-.008
	Sig. (2-tailed)	-	.873
	N	400	400

Aras signifikansi $\alpha = 0.05$

b) Perhubungan Antara Pendidikan Agama Secara Informal Dengan Keseimbangan Kognitif

Berdasarkan Jadual 10, didapati nilai pekali korelasi, r bagi pendidikan agama secara informal dengan keseimbangan kognitif adalah bersamaan -0.042 . Ini menunjukkan korelasi yang sangat lemah dan songsang. Memandangkan nilai $p = 0.407$ adalah lebih besar daripada 0.05 maka hipotesis ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara pendidikan agama secara informal dengan keseimbangan kognitif. Oleh kerana keputusan ujian korelasi menunjukkan tidak terdapat perhubungan yang signifikan, maka dengan ini dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara pendidikan agama secara informal dengan keseimbangan kognitif di kalangan pelajar Darjah Khas Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor di daerah Johor Bahru.

Jadual 10: Korelasi Pendidikan Agama Secara Informal Dengan Keseimbangan Kognitif

Korelasi			
		Keseimbangan Kognitif	Pendidikan Agama Secara Informal
Keseimbangan Kognitif	Korelasi Pearson	1	-.042
	Sig. (2-tailed)	-	.407
	N	400	400

Aras signifikansi $\alpha = 0.05$

c) Perhubungan Antara Keseimbangan Kognitif Dengan Tingkah Laku Positif

Berdasarkan Jadual 11, didapati nilai pekali korelasi, r bagi keseimbangan kognitif dengan tingkah laku positif adalah bersamaan -0.053 . Ini menunjukkan korelasi yang sangat lemah dan songsang. Memandangkan nilai $p = 0.288$ adalah lebih besar daripada 0.05 maka hipotesis ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara keseimbangan kognitif dengan tingkah laku positif. Oleh kerana keputusan ujian korelasi menunjukkan tidak terdapat perhubungan yang signifikan, maka dengan ini dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara keseimbangan kognitif dengan tingkah laku positif di kalangan pelajar Darjah Khas Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor di daerah Johor Bahru.

Jadual 11: Korelasi Keseimbangan Kognitif Dengan Tingkah Laku Positif

Korelasi			
		Tingkah Laku Positif	Keseimbangan Kognitif
Tingkah Laku Positif	Korelasi Pearson	1	-.053
	Sig. (2-tailed)	-	.288
	N	400	400

Aras signifikansi $\alpha = 0.05$

d) Perbezaan Pada Keseimbangan Kognitif Berdasarkan Jantina Pelajar

Berdasarkan jadual 12 didapati nilai $p = .017$. memandangkan nilai $p = .017$ ini lebih kecil daripada nilai $\alpha = 0.05$ maka hipotesis 4 ini ditolak. Ini bermakna terdapat perbezaan min yang signifikan.

Oleh kerana keputusan Ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan maka dengan ini dirumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pada keseimbangan kognitif berdasarkan jantina pelajar Darjah Khas Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor di daerah Johor Bahru.

Jadual 12: Analisis Perbezaan Pada Keseimbangan Kognitif Antara Pelajar Lelaki dan Perempuan

	F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)
Keseimbangan Kognitif	5.761	0.017	1.609	398	.108

Aras signifikasi $\alpha = 0.05$

KESIMPULAN

Hasil daripada dapatan yang diperolehi terdapat beberapa perkara yang dapat dirumuskan mengenai tahap perhubungan antara pembolehubah-pembolehubah dan perbezaan keseimbangan kognitif berdasarkan jantina responden.

Dapatan kajian mencatatkan bahawa pendidikan agama secara formal responden berada pada tahap yang tinggi. Manakala pendidikan agama secara informal responden, keseimbangan kognitif dan tingkah laku positif responden pula berada pada tahap yang sederhana.

Kajian ini juga telah membuktikan tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara pendidikan agama secara formal dan informal dengan keseimbangan kognitif. Begitu juga bahawa tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara keseimbangan kognitif dengan tingkah laku positif.

Bagi objektif mengenal pasti perbezaan pula, kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara keseimbangan kognitif berdasarkan jantina.

RUJUKAN

- Arkes, Hall R. & Garske, John P. (1982). Psychological Theories of Motivation. Belmont, California: Wadsworth.
- Azizi Yahaya (2005). Aplikasi Kognitif Dalam Pendidikan. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya et. al. (2005). Psikologi Sosial Alam Remaja. Pahang: PTS Professional.
- Bandura, Albert (1977). Social Learning Theory. Eagle Wood Cliff, New Jersey: Prentice Hall.
- Basheer El Tom (1989). Pendidikan dan Masyarakat (M.Wasiullah Khan/ Mohamad Nordin Sainuddin). Pendidikan dan Masyarakat Dalam Dunia Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ghulam Nabi Saqib (1989). Pemodenan Masyarakat dan Pendidikan Islam: Perlunya Satu Pendekatan Yang Praktis (M.Wasiullah Khan/ Mohamad Nordin Sainuddin). Pendidikan dan Masyarakat Dalam Dunia Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcic, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. Educational and Psychological Measurement. 30.607 – 610.
- Larsen, R.L & D.M. Buss (2002). Personality Psychology: Domains of Knowledge About Human Nature. Boston: McGraw-Hill.
- Mohd Fadzli Abu Bakar (2003). Pelaksanaan Pendidikan Agama Islam di Johor. Johor Bahru: Pejabat Ketua Penerangan dan Penyelidikan Kerajaan Negeri Johor.
- Mohd Salleh Lebar (1998). Pengenalan Ringkas Sosiologi Sekolah dan Pendidikan. Selangor: Thinker's Library.
- Mohd Yusuf Ahmad (2004). Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nik Azis Nik Pa (1988). Aktiviti Membina Refleksi dan Pengabstrakan: Perspektif Pendidikan Kanak-kanak Yang Terabai, Jurnal Pendidikan Islam ABIM, Tahun 2 Bil. 8, halaman 28.
- Radhashyam Sarangi (1996). Moral Education in Schools: Bases and Implications. New Delhi: Deep & Deep Publications.
- Rosa, Maria Torres (2001). Amplifying and Diversifying Learning: Formal, Non-formal and Informal Education revisited. Ecuador, Argentina: Instituto Fronesis.
- Sapora Sipon (6 Februari 2007). Perluaskan Peranan Kaunselor. Berita Harian.

